

BAB 4

PENGLIBATAN SYARIKAT BRITISH DARI TAHUN 1945 - 1971

Dalam bab yang lalu kita dipaparkan penglibatan masyarakat tempatan dalam perusahaan perlombongan sebelum kehadiran Jepun. Masyarakat tempatan telah menunjukkan kemampuannya meneroka kegiatan perlombongan terutama bijih timah, emas dan Wolfram di kawasan pendalaman Ulu Dungun yang sangat sukar perhubungannya seperti Bukit Lentor, Kuala Jengai, dan Pasir Raja. Kajian ini terpaksa membuat penjejakan terhadap kawasan itu, dan ternyata amat memerlukan untuk sampai ke kawasan tersebut. Pada awal tahun 1920an kita didedahkan tentang kehadiran syarikat dari Jepun dalam penerokaan bijih di Terengganu khususnya di daerah Dungun. Namun begitu penglibatan orang Jepun berakhir apabila Perang Dunia Ke-2 tamat. Walau bagaimanapun, penglibatan syarikat-syarikat dari Jepun amat penting ke arah meletakkan nama negeri Terengganu sebagai salah sebuah negeri perlombongan utama di Malaysia terutama pengeluaran besi di dunia.

Apabila Jepun kalah di dalam perang Dunia Ke-2, Tanah Melayu kembali dikuasai oleh British. Jepun telah meninggalkan segala apa yang dimiliki termasuklah lombong-lombong di daerah Dungun. Salah satu harta yang amat bernilai di Terengganu ialah lombong bijih besi. Lombong bijih besi telah dikuasai oleh syarikat dari Jepun sejak tahun 1920 lagi. Justeru itu, apabila ia ditinggalkan, maka British mengambil kesempatan meheruskan usaha perlombongan malah mempertingkatkan lagi teknik operasinya. Walau bagaimanapun, langkah meneruskan kegiatan perlombongan tidak dapat dijalankan dengan segera. Biarpun Jepun telah meninggalkan Tanah Melayu pada tahun 1945 tetapi operasi di Bukit Besi tertangguh

sehingga tahun 1949. Hal ini terjadi disebabkan banyak peralatan melombong rosak dan kemudahan asas juga turut musnah.

Selain daripada itu, timbul pula masalah besar yang lain iaitu ancaman komunis dan gerila. Ketika komunis mula mengganas, ramai penduduk Bukit Besi ditembak. Suasana yang tidak aman ini menakutkan orang ramai yang tinggal di Bukit Besi. Itulah antara faktor yang menyebabkan British gagal untuk memulakan usaha perlombongan. Memandangkan satu kerugian jika lombong ini tidak diusahakan, maka British telah menjual lombong tersebut kepada salah sebuah syarikat perlombongan dari Britain iaitu syarikat Eastern Mining and Metal Berhad (NMC). Sebelum apa-apa operasi dijalankan, syarikat berkenaan telah menjual simpanan besi milik NMC yang ditinggalkan kepada syarikat Jepun dengan jumlah sebanyak 70,486 tan.¹

PENGLIBATAN SYARIKAT EMMCO

Apabila *Eastern Mining And Metal Berhad Company* (EMMCO) memulakan operasinya di antara 1949 hingga 1970, suasana telah berubah pada peringkat pengeluaran besi berada zaman kemuncak (*period boom*). Perubahan yang paling ketara ialah dalam aspek pengeluaran dan proses, pentadbiran lombong serta anak-anak syarikatnya, kakitangan pekerja serta juga keadaan bekerja dan pengurusan ala British. Dalam bab ini kita juga akan menyentuh kesan sosial daripada perlombongan besi di Bukit Besi di bawah syarikat British. Dikatakan syarikat British lebih baik layanannya kepada pekerja dan penduduk setempat berbanding dengan pengurusan syarikat Jepun.² Walaupun syarikat EMMCO ini syarikat Eropah tetapi proses

¹ ARPTGTr. Tahun 1948, hlm. 15/16. Lihat G.C. Allen, *Western Enterprise in Indonesia and Malaysia*, hlm. 156, juga Ooi Jin Boe, *Bumi Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, hlm. 329.

² Ibid.

penubuhannya adalah di Tanah Melayu iaitu pada awal tahun 1948. Ia ditubuhkan di bawah undang-undang syarikat berhad dan ibu pejabatnya didaftarkan di Singapura. Kemudiannya dipindahkan ke Kuala Lumpur pada tahun 1958.³

Pada tahun 1963, ibu pejabat syarikat telah dipindahkan pula ke Sura Kompleks Dungun, Terengganu yang terus kekal sehingga ia ditutup. Dari segi pengumpulan modal syarikat, ia sangat berbeza dengan syarikat Jepun. Syarikat Inggeris agak moden sedikit. Modal diperolehi melalui perjudian saham-saham syarikat. Namun begitu kesemua pemilik saham adalah daripada kalangan orang Inggeris. Manakala separuh daripada sahamnya dimiliki oleh beberapa orang jutawan British. Orang tempatan langsung tiada mempunyai pegangan saham dalam syarikat tersebut.⁴

Syarikat EMMCO mempunyai kecekapan yang sangat tinggi dalam sektor perlombongan. EMMCO juga memiliki banyak lombong besi di kawasan lain di Tanah Melayu terutama di Pahang, lombongnya adalah seperti di Ulu Rompin dan Tambun di Perak. Tetapi lombong besi di kedua-dua kawasan ini tidaklah sebesar Bukit Besi di Dungun.⁵

Harus diingat bukan mudah bagi EMMCO untuk memulakan perlombongan besi di Bukit Besi. Hampir dua tahun selepas pembeliannya, operasi perlombongan baru dapat berjalan dengan sepenuhnya. EMMCO tidak berminat melombong cara

³ *Bancian Perusahaan-Perusahaan Perlombongan 1969*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 4.

⁴ Kenyataan En. Muhamad bin Ali, ditemuramah di rumahnya di Kampung Sura Dungun pada 26.08.2000 .

⁵ *Ibid.*

Jepun iaitu menggunakan banyak tenaga buruh sebaliknya EMMCO menggunakan kaedah teknologi yang lebih moden.⁶


Syarikat EMMCO percaya cara ini lebih selamat daripada risiko kehilangan pekerja sepetimana pengajaran dari apa yang berlaku kepada syarikat Jepun apabila orang Cina lari meninggalkan lombong. Perkara ini pastinya tidak berlaku dengan menggunakan teknologi tinggi. Kebanyakan pekerja mahir yang mengendalikan teknologi moden ini terdiri daripada orang Inggeris sendiri. Oleh kerana alatan moden digunakan, maka sudah tentu melibatkan modal yang besar. Pelaburan ini menelan kos yang berjuta-juta paun Britain. Satu kelebihan EMMCO ialah ia mempunyai pusat penyelidikan sendiri terutama dalam menaikkan daya pengeluaran dan mutu bijih yang dihasilkan.⁷

Dalam usaha perlombongan besi ini, EMMCO telah menggunakan sembilan buah pengorek intan (*diamond drill*). Kesemua alatan ini telah diimport dari Amerika Syarikat. Penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan risiko tanah runtuh dan bahaya letupan. Satu lagi keistimewaan alatan moden ini, ia dapat dijalankan dalam semua dapati pengeluaran besi telah bertambah secara mendadak.⁸

⁶ E.K Fisk, "The Economic of The Handloom Industry of the East Coast of Malaya," *JMBRAS*, Volum 32. pt. 4, 1962, hlm. 4.

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*




Gambar 4.0: Pejabat EMMCO di Bukit

Sumber : Ikhlas daripada En. Che Abdullah bin Awang Bekas Mekanik yang bekerja di Lombong Bukit Besi pada tahun 1953 – 1971. Gambar ini diambil pada tahun 1953.

EMMCO juga turut memajukan teknologi pembersihan ketulan besi. Alat-alat moden dalam pembersihan juga turut digunakan antaranya Doubledeck Linbelt Screens, Pan American Jigs and Humphrey Spirals. Pada tahun yang sama juga iaitu 1963 satu Stripa Heavy Media Separation Palrit telah dibina dan digunakan. Loji yang baru ini dapat mengurangkan salika dan aluminium semasa penghasilan besi, dengan itu besi yang dihasilkan lebih bermutu.⁹

⁹ Kenyataan En. Mahmud bin Abas, temuramah di rumahnya di Bukit Besi pada 26.8.2001.



Gambar 4.1 : Gambar menunjukkan bot-bot penunda kepunyaan Eastern company

Sumber : Gambar ini dalam simpanan En. Che Abdullah bin Awang bekas pekerja lombong bukit besi



Gambar 4.2 : Gambar tongkang-tongkang leper digunakan untuk mengangkut bijih besi kekapal khas.

Sumber : Gambar ini dalam simpanan En. Che Abdullah bin Awang bahan peribadi En. Abdullah boleh dilihat pada lampiran.

KAEDAH BERSKIL TINGGI

Syarikat British menjalankan perlombongan berskil besar. Selain dari penggunaan teknologi tinggi, mereka juga lebih mementingkan konsep pengurusan masa yang amat ketat dalam pencapaian sasaran pengeluarannya bagi satu-satu bulan dan tahunannya. Oleh itu operasi perlombongan dijalankan selama 24 jam sehari. Pekerja-pekerja diganti setiap lapan jam sekali, kadang kala terpulang kepada pekerja itu sendiri samada mahu bekerja lebih masa dengan upah tambahan yang lebih tinggi dari gaji biasanya.¹⁰

Bagi mempercepatkan lagi proses pemecahan batu, kaedah letupan tetap digunakan bagi memperbaikan kaedah perlombongan. Kadang kala batu-batu diletupkan tiga kali sehari. Kesungguhan EMMCO dalam penghasilan besi di Bukit Besi ini amat ketara sekali. Pemulihan ekonomi dunia selepas perang dunia kedua ternyata memberi pasaran yang amat baik kepada permintaan besi. EMMCO mengambil kesempatan ini dengan sepenuhnya.¹¹

¹⁰ "Report on the Japanese iron and Managese ore Mines at Kemaman and Dungun", hlm 9.

¹¹ Ibid..

Dalam usaha mempercepatkan proses pengangkutan bahan batu yang bercampur besi ke lori dan gerabak keretapi maka penyodok-penyodok di tambah. Selain daripada itu jentolak berantai telah digunakan.

EMMCO lebih berminat menggunakan jentolak berantai daripada jentera beroda getah. Ini kerana lebih cekap dalam semua keadaan terutama pada hari-hari hujan juga lebih bertenaga menolak ketulan-ketulan besi. Dari bincian yang dibuat pada tahun 1963, EMMCO menggunakan jentera moden seperti berikut:¹²

i) Jentera Pengorek

Untuk 3×5 ela padu digunakan jentera jenis P&H.

Untuk $4 \times 4 \frac{1}{2}$ ela padu digunakan jentera Marison.

Untuk $3 \times 4 \frac{1}{2}$ ela padu digunakan jentera jenis Lima

Untuk $2 \times 2 \frac{1}{2}$ ela padu digunakan jentera jenis Manitowoc.

ii) Letupan Lubang Pengorek

5 buah jentera jenis *Gardner-Denver*.

3 buah jentera jenis *Inggersell-Rand Drill Master*.

iii) Unit Penarik

60 buah jentera jenis *Le Toumean, Westinghouse, Model "B" Rockers*.

iv) Alat Jentolak

22 buah *bulldozer* jenis *Caterpillar Model D8*.

¹² *Ibid.*

Secara bandingan antara NMC dengan EMMCO, ternyata Syarikat British jauh ke hadapan dalam semua hal seperti penggunaan teknologi tinggi, kecekapan dalam pengeluaran dan penghasilan yang berkali ganda tingginya dari syarikat Jepun Penggunaan jentera moden ini juga telah menyebabkan besi yang dihasilkan dari jenis "Sintor" (fine) berukuran kurang dari 12 dan jenis "Lump" (Bon "A" lebih daripada 1"). Kedua-dua jenis ini amat bermutu dan digunakan dalam perusahaan keluli, besi jenis ini akan dicampur dengan lain bagi mendapat besi keluli.¹³

EMMCO sangat berhati-hati dalam mengredkan besi-besi yang dihasilkan Setelah siap digredkan, maka dibawa ke tempat simpanan yang diasangkan mengikut penggredannya. Jika semasa NMC, besi diangkut menggunakan tenaga manusia ke dalam tongkang tetapi EMMCO menggunakan menara dan tali leper untuk dicurahkan ke tongkang iaitu berupa kren pada masa kini.

Oleh kerana kaedah perlombongan besi oleh EMMCO agak moden, maka penghasilannya juga sangat tinggi. Pada tahun permulaan operasinya sahaja sudah mencapai 498,530 tan. Jika kita lihat pengeluaran NMC ternyata sangat jauh perbezaannya. Walaupun NMC berupaya mencapai penghasilan maksimanya 500 tan setahun tetapi ia tidak pernah berlaku kerana kelemahan pemasaran. Hal ini berbeza dengan EMMCO. Pada tahun 1962, EMMCO mampu mengeluarkan bijih besi di kawasan Bukit Besi sebanyak 2,974,664 tan setahun iaitu 6 kali ganda keluaran tertinggi NMC.¹⁴

¹³ *Bancian Perusahaan Perlombongan 1969*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 76 .

¹⁴ *Fail Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Dungun Terengganu, 1969*, Jabatan Kastam Malaysia, Kuala Lumpur, 1970.

¹⁵ *Fail EMMCO, Sura Kompleks Dungun Terengganu*.

Merujuk kepada jadual pengeluaran besi di Bukit Besi 1950-1971, adalah menunjukkan kegiatan perlombongan di Bukit Besi amat pesat sekali apabila diambil alih oleh EMMCO sejak dari awal operasinya lagi. Peningkatan ini adalah membuktikan bahawa penggunaan kaedah moden amat berperanan dalam meningkatkan daya keluarannya. Selain dari itu, kebanyakan alatan moden yang digunakan adalah berkuasa tinggi dan banyak menggunakan kuasa elektrik dan wap.

JADUAL 4.1

Pengeluaran Bijih Besi Lombong di Bukit Besi Tahun 1950-1971.¹⁵

TAHUN	PENGELUARAN (JAN)
1950	498,530
1951	650,000
1952	820,000
1953	1,020,311
1954	1,016,936
1955	1,470,000
1956	1,935,888
1957	2,262,030
1958	1,637,966
1959	1,945,888
1960	2,610,362
1961	2,906,350
1962	2,974,664
1963	2,907,822
1964	2,145,552
1965	1,850,200
1966	1,657,000
1967	1,517,519
1968	1,716,550
1969	1,985,000
1970	1,535,850
1971	357,325

Sumber : Fail Pejabat Kastam Kemaman, Terengganu 1950 – 1971 ANM Tr.

¹⁵ Fail EMMCO, Sura Kompleks Dungun Terengganu.

Secara sah perlombongan di Bukit Besi lebih produktif dan cekap dalam tahun 1950an dan 1960an. Ekoran dari itu Bukit Besi telah menjadi kawasan pengeluar besi yang utama di Tanah Melayu. Kepentingan Bukit Besi kepada negeri Terengganu sangat jelas berdasarkan pendapatan yang diperolehi dari cukai yang dikenakan di antara RM 45 setan. Secara perbandingan kita dapati Bukit Besi bukan sahaja penting kepada Kerajaan Terengganu tetapi juga penting kepada Tanah Melayu. Berdasarkan jadual pengeluaran besi mengikut negeri-negeri 1957 ternyata Bukit Besi menguasai 2 / 3 daripada keseluruhan penghasilan bijih besi Tanah Melayu. Selepas pertengahan tahun 1960an, kita dapati penghasilan besi di Bukit Besi mulai merosot sehingga ia ditutup pada 1974.

Apa yang penting, Bukit Besi telah mewarnai sejarah ekonomi dengan amat menarik kepada negeri Terengganu. Dengan penemuan bijih besi menyebabkan struktur penduduk di negeri Terengganu berubah. Oleh kerana ia didatangi oleh berbagai-bagai bangsa, maka wujud satu percampuran antara orang tempatan dan orang luar¹⁶. Sebelum ini, kita dapati kawasan Bukit Besi dan Dungun amat asing dari pengetahuan orang luar. Tetapi keadaan ini berubah apabila Bukit Besi ditutup. Mereka meninggalkan kawasan tersebut yang pernah memberi rezeki kepada mereka. Sebab-sebab penutupan Bukit Besi adalah kerana kekurangan simpanan besi dan tiada usaha pencarian kawasan baru pada lokasi-lokasi lain.

¹⁶ Syaharil Talib "sejarah Terengganu sebelum penjajahan, satu pendekatan sosial," dalam *WARISAN Jurnal Persuratan sejarah Malaysia, cawangan Terengganu, 1980/81* hlm. 9.

JADUAL 4.2

KEPENTINGAN BUKIT BESI DALAM PENGELUARAN BESI BERBANDING KAWASAN LAIN DI TANAH MELAYU.¹⁷


NEGERI	NAMA SYARIKAT DAN TEMPAT	PENGELUARAN
Terengganu	EMMCO, Bukit Besi, Dungun	2,116,200
Perak	<i>Malayan Mining Co. Ltd., Gunung Panjang Ipoh.</i>	25,108
	<i>Malayan Mining Co. Ltd., Gunung Rapat Ipoh.</i>	49,820
	<i>Sulva Laid, Ipoh.</i>	108,132
	<i>Ipoh Mining Co. Ltd., Ipoh</i>	130,363
	<i>Tambun Mining Co, Ltd.</i>	199,225
	<i>Gunung Bercham, Ipoh.</i>	-
	<i>Ah Kee Iron Mines Ltd. Gunung Ledang</i>	87,760
Johor	<i>Malayan Minera Co. Ltd. Seri Medan Batu Pahat</i>	355,446
	<i>Kepong Mines Ltd., Bukit Kapur, Muar</i>	122,969
	<i>Oriental Mining Co. Temayan</i>	405,493
Kedah	<i>Malayan Mineral Development Corporation Ltd. Tapah</i>	42,493
	<i>South Island Mining Kongsi, Semiling.</i>	68,972
	<i>Warron Mining Ltd. Semiling.</i>	56,615
Jumlah		3,760,684

Sumber : Fail British Advisor Kemaman, 1930 – 1935, ANM Kuala Lumpur

Satu peristiwa sejarah yang juga tidak kurang pentingnya kepada Negeri Terengganu ialah pembinaan landasan keretapi. Apabila tertutupnya lombong bijih besi di Bukit

¹⁷ Ooi Jin Bee, Bumi, *Pendudukan dan Ekonomi Tanah Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur 1979, hlm. 331.

PETA TANAH MELAYU : MENUNJUKKAN KAWASAN -
KAWASAN LOMBONG BIJIH BESI DI TANAH MELAYU
DAN TABURAN LONGGOKAN BIJIH BESI PADA TAHUN
1959



Sumber : Ooi Jin Bee, Bumi, Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu,

Besi maka berakhirnya sistem pengangkutan keretapi di Terengganu sehingga kini perkhidmatan keretapi masih wujud. Syarikat NMC adalah pelopor kepada penggunaan keretapi. Namun begitu keretapi yang digunakan agak kurang besar dan landasannya juga kurang bermutu. Dalam hal ini EMMCO adalah satu-satunya syarikat yang berusaha mempermodenkan sistem keretapi di Bukit Besi dan Dungun. Landasan dan injin keretapi yang digunakan pada masa itu adalah yang termoden¹⁸

Beberapa lokomotif moden yang setaraf di Eropah telah dibeli oleh EMMCO. Gerabak-gerabak istimewa telah digunakan untuk membawa pegawai Inggeris dan kakitangan pengurusan EMMCO yang terdiri dari bangsa Eropah. Terdapat 18 buah lokomotif yang berat 26 tan jenis 2-6-2 Hitachi Steam Locomotive, 13 buah lokomotif yang beratnya 4 tan jenis o-c-o Hitachi Diesel Hydraulic Locomotive. Disamping itu gerabak-gerabak barang dan penumpang turut dibeli oleh EMMCO.¹⁹ Dengan adanya kemudahan keretapi ia bukan sahaja memberi kemudahan kepada syarikat EMMCO dalam usaha membawa keluar hasil bijih besi tetapi juga turut dirasai oleh penduduk pendalamannya untuk membawa hasil tanaman dan hasil hutan ke bandar Dungun dan juga membawa hasil pertanian dan laut ke Bukit Besi sebagai salah satu tempat yang tinggi permintaan dan baik pasaran harganya.²⁰ Satu perkara yang amat menarik sistem keretapi di Bukit Besi tidak dikendalikan oleh EMMCO secara terus. Apa yang kita dapati pengendaliannya diberikan kepada syarikat lain yang mempunyai kaitan dengan pengangkutan. Syarikat ini adalah anak syarikat EMMCO. Dalam konteks sekarang ialah konsep pengswastaan²¹ keretapi dikendalikan secara cekap

¹⁸ *Banci Perusahaan-perusahaan Perlombongan 1969*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, tahun 1970, hlm. 73.

¹⁹ Junid Saham, *British Investment In Malaysia 1963-1971* hlm. 7

²⁰ *Ibid.*

²¹ *ARPTGTr*. Tahun 1948, hlm 13. Lihat juga "Mines Annual Census 1937" dalam fail PTGTr, No 151/38 ANM Kuala Lumpur.

dengan menggunakan ‘*Block System*’. Setiap stesen dipasang talian telefon agar mudah dihubungi. Kaedah ini memberi satu khidmat yang cukup selamat dan cekap. Perkhidmatan keretapi berjalan selama 24 jam sehari selama 6 hari seminggu.

STRUKTUR PENTADBIRAN SYARIKAT DAN LOMBONG EMMCO DI BUKIT BESI.

EMMCO adalah pemilik tunggal yang mengendalikan pentadbiran di lombong Bukit Besi. Seperti syarikat-syarikat moden pada hari ini, pentadbirnya dibentuk dari satu badan Lembaga Pengarah (*Board of Direction*). Oleh kerana ia satu syarikat berhad di mana modalnya diperolehi dari penjualan saham-saham, maka pemegang saham-saham terbesar akan dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Syarikat. Disebabkan pemilik-pemilik saham terbesar terdiri dari orang Inggeris, maka kesemua (*Board of Direction*) adalah orang Eropah.²²

Menurut struktur pentadbirannya, EMMCO terdiri dari lima orang ahli Lembaga Pengarah dengan seorang Pengerusi. Kesemua mereka ini tinggal di England dan cuma datang sekali-sekala sahaja untuk meninjau perjalanan syarikat. Namun begitu salah seorang ahli Lembaga Pengarahnya harus tinggal di Dungun untuk mengendalikan operasi perlombongan syarikat. Seorang Lembaga Pengarah yang tinggal di Dungun pula akan melantik seorang setiausaha bagi membantunya. Salah seorang setiausaha kepada ahli Lembaga Pengarah ialah Encik Lim Hong Foo Beliau menjadi perantaraan antara Lembaga Pengarah dengan Pengarah Urusan Lombong. Pengarah Urusan mempunyai peranan mengawasi segala hal ehwal serta perjalanan operasi lombong. Pengarah Urusan pula akan dibantu seorang pengawas lombong (*mine superintendent*)²³.

²² *Ibid.*

²³ Kenyataan Encik Tang Ah Sing, temuramah di rumahnya di Sura Dungun, Terengganu 20.7.2001.

Bagi melicinkan perjalanan pentadbiran syarikat EMMCO yang memiliki banyak jabatan dan bahagian, maka pihak pengurusan telah membahagikan kepada 12 jabatan utama. Antaranya ialah:

- ❖ Pengawas (*Superintendent*) Sector Galina
- ❖ Pengawas Syarikat Galian Terengganu
- ❖ Pegawai Perubatan
- ❖ Pengawas Mekanik
- ❖ Pengawas Keretapi
- ❖ Pengawas Loji Pembersihan
- ❖ Pengawas Pengeluaran
- ❖ Pengawas Operasi
- ❖ Engineer Kerja
- ❖ Akauntan Lombong
- ❖ Pengawas Pentadbiran
- ❖ Engineer Letrik.

Terdapat satu bahagian yang paling penting yang ditadbir terus oleh Pengarah Urusan dengan dibantu oleh pengawas lombong dan penolongnya iaitu bahagian produksi. Bahagian dibahagi pula kepada beberapa cawangan bagi membolehkan operasi berjalan dengan lancar. Bahagian ini paling ramai kakitangannya serta paling sensitif terhadap perjalanan syarikat. Jika apa-apa berlaku pada bahagian ini, maka bahagian lain turut terjejas.²⁴

EMMCO boleh dikatakan satu syarikat yang sangat kemas dan tersusun pentadbirannya. Ia seperti syarikat moden hari ini yang mempunyai sistem pentadbiran dan pengurusan yang cukup profesional. Pegawai-pegawai pengurusannya terdiri dari mereka yang mahir dalam bidang masing-masing. Oleh

²⁴ Fail EMMCO, Sura Kompleks, Dungun, Terengganu.

kerana ia disusun dengan kemas maka pegawai-pegawainya dapat memberi tumpuan pada bidang tugas yang telah ditetapkan seperti ekonomi, bidangan konsep serta pengurusan kerja. Kaedah ini dapat memahirkan kecekapan dan keefisenan supaya terus kekal bersesuaian dengan keseluruhan pegawai atasan EMMCO yang dimonopoli oleh orang Inggeris. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, ada usaha-usaha mengurangkan pegawai Inggeris dan diganti dengan pegawai Melayu.²⁵

Pada tahun 1960, Kerajaan Negeri Terengganu telah mendesak agar quota pegawai dan pengawas kanan harus diwujudkan. Orang-orang Melayu khususnya anak Terengganu mestilah diberi peluang menjawat jawatan tersebut. Pada tahun 1963 terdapat beberapa orang Melayu dilantik Antaranya ialah Encik Halim Razib sebagai engineer lombong dan seorang lagi Encik Yassin Malik sebagai Pengurus Pentadbiran.

Namun begitu jumlah buruh masih dimonopoli oleh orang Melayu. Walaupun bilangan orang Melayu masih kurang dalam jawatan kanan di EMMCO tetapi tidak timbul satu tekanan besar daripada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sedar bahawa orang Melayu Terengganu tidak mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang teknikal dan pengurusan, oleh itu jawatan penting terus dikuasai oleh orang Inggeris. Menyedari perkara ini maka ramai anak-anak Terengganu digalakkan melanjutkan pelajaran ke luar negeri untuk memenuhi jawatan tersebut. Oleh kerana kesedaran agak lewat, maka ramai dari mereka tidak dapat berkhidmat di Bukit Besi kerana EMMCO mengurangkan pekerjaanya pada akhir tahun 1960an kerana kekurangan longgokan besi.²⁶

²⁵ Kenyataan Encik Omar bin Abdullah, Kuala Berang, temuramah di rumahnya 1.8.2001.

²⁶ ARPTGTr. Tahun 1969, hlm. 16.

ANAK-ANAK SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH SYARIKAT EMMCO

EMMCO adalah sebuah syarikat yang cukup besar. Ia mempunyai modal berbayar berjuta-juta ringgit. Oleh itu sudah tentu terdapat banyak anak-anak syarikat miliknya yang menjadi penyokong kepada operasinya di Bukit Besi.²⁷ Antara anak-anak syarikatnya ialah *Terengganu Mineral Ltd.*, *Sterenco Joint Contract* dan *Eastern Stevedoring CO. Ltd.* Lain-lain syarikat yang mempunyai kerjasama dengan EMMCO pula ialah *Malaya State Shipping Company*, *Lee Yat Khai Mining Contraction* dan beberapa buah lagi.

Oleh kerana kawasan Bukit Besi juga ada mengandungi timah, maka EMMCO telah menubuhkan satu syarikat yang diberi nama *Terengganu Mineral Ltd. Syarikat ini* diberi hak oleh EMMCO untuk melombong timah di Bukit Besi. Syarikat ini juga agak besar iaitu mempunyai pekerja seramai 173 orang yang bergaji tetap dan harian. Syarikat ini menjadi sebahagian kepada sumber pendapatan kepada EMMCO. *Syarikat Seterenco* pula beroperasi dalam penjagaan besi di Sura iaitu di stor utama dan mengawal keselamatan lombong. Konsepnya lebih kepada pengswastaan masa kini di Malaysia.²⁸ Dalam aspek pengangkutan telah diurus oleh *syarikat Eastern Stevedoring Company*. Syarikat ini telah menyediakan kemudahan memunggah barang terutama bijih besi dari stor ke tongkang-tongkang. Syarikat ini juga bertanggungjawab menyediakan tongkang-tongkang dipelabuhan. Untuk melaksanakan tugas ini pihak syarikat perlu menyediakan kemudahan yang secukupnya. *Eastern Stevedoring Company* telah menyediakan kemudahan yang

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Ooi Jin Bee, *Bumi, penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, hlm. 28.

secukupnya. *Eastern Stevedoring Company* telah menyediakan 21 buah tongkang yang berukuran 80' x 28' x 8 yang beratnya 250 tan, jenis 101' x 30 x 8' yang beratnya 350 tan.²⁹ Setelah besi diisi ke dalamnya, maka tongkang-tongkang itu akan di tarik oleh bot-bot penunda ke tengah laut di mana kapal-kapal besar berlabuh. Dari sini besi dipunggah ke kapal untuk di eksport. Peranan syarikat ini amat penting. Ia bukan sahaja nadi utama kepada proses pengeksportan tetapi juga sumber utama untuk membawa bekalan dan peralatan dari luar ke kawasan lombong. Oleh itu menjadi peranan utama *Eastern Stereodering Company* menyediakan jumlah tongkang yang mencukupi agar proses pengeksportan dan pengimpalan tidak tergendala terutama dalam tempoh 9 bulan sebelum musim tengkujuh tiba.³⁰

PENGKELASAN GAJI MENGIKUT BANGSA DAN KEMAHIRAN

EMMCO adalah satu syarikat yang berskil besar, oleh itu pengkhususan kerja amat ditekankan. Dalam melancarkan operasinya profesionalism sangat-sangat dititik beratkan. Pekerja-pekerja diberi tugas mengikut kebolehan dan pengalaman. Oleh kerana ia sebuah syarikat besar maka sudah tentu ia memiliki ramai pekerja dan kakitangan yang berbeza dari segi bangsa dan kemahiran.³¹

Jika dilihat pada jadual, kita dapat pekerja Melayu sangat ramai. Perkara ini terjadi mesti diutamakan. Sebagaimana dinyatakan terdahulu oleh kerana orang Melayu kurang kemahiran tinggi maka hanya kerja-kerja buruh kasar sahaja mampu dijawati dan cuma sebilangan kecil sahaja mampu menjawat jawatan peringkat pengurusan. Orang Eropah adalah pegawai-pegawai atasan. Mereka adalah penentu dasar syarikat dan tangga gaji kakitangan. Dalam hal ini timbul diskriminasi terhadap kaum pada pembayaran gaji. Tetapi pentadbiran orang Eropah agak berbeza

²⁹ Kementerian Buruh dan Tenaga Malaysia 1969, Kuala Lumpur : *Pernyataan Bulanan Kementerian*.

³⁰ Fail EMMCO, Sura Kompleks, Dungun, Terengganu..

dengan orang Jepun. Jika NMC membayar gaji berbeza mengikut kaum contohnya orang Cina dibayar 90 sen dan Melayu 63 sen, bagi orang Eropah mereka cuba mendiskriminasi mengikut kemahiran dengan cara ini tidak begitu jelas pengelasan gaji mengikut kaum. Namun apa yang pasti orang Melayu mendapat gaji murah kerana rata-rata cuma sebagai buruh lombong sahaja. EMMCO telah membahagikan 2 kategori gaji utama bulanan dan harian kepada 13 jenis tangga gaji, manakala gaji harian dibahagi kepada 19 jenis tangga gaji yang berbeza mengikut jenis kerjanya

³¹ *ARTr* 1948 hlm 12, Government Printers, Kuala Lumpur 1949.

JADUAL 4.3

**BILANGAN PEKERJA-PEKERJA DAN KAKITANGAN
MENGIKUT KAUM DI LOMBONG BUKIT BESI 1960-1970.³²**

Tahun	Cina	India	Melayu	Eropah	Lain-Lain	Jumlah
1960	439	384	2,066	32	17	2,902
1961	465	285	2,259	40	18	3,167
1962	466	336	2,590	38	17	3,447
1963	423	291	2,377	39	16	3,146
1964	284	198	2,039	27	9	2,555
1965	235	171	1,832	27	5	2,270
1966	217	165	1,836	20	7	2,249
1967	201	138	1,646	16	3	2,004
1968	196	131	1,635	15	3	2,980
1969	184	125	1,633	15	4	1,965
1970	115	59	1,167	10	2	1,353

Sumber: *Annual Report on the Social and Economic Progress for the State of Terengganu 1960 - 1970*, Government Printing Office, Singapore 1926, ANM Kuala Lumpur

Jadual 4.3 menjelaskan kedudukan pekerja di lombong Bukit Besi dari tahun 1960 hingga 1970. Pada tahun 1960 didapati kaum Melayu mempunyai 2066 orang yang

³² Fail Pembantu Galian Negeri Terengganu, Pejabat Merintau Galian, Wilayah Timur Jalan Masjid, Kuantan, Pahang. Jumlah pekerja-pekerja di atas tidak termasuk pekerja-pekerja syarikat gabungan EMMCO 1970.

kebanyakannya bekerja sebagai buruh kasar, kerani dan pengendali jentera. Kaum Cina seramai 439 orang kebanyakannya merupakan mahir. Kaum India berjumlah 384 yang terdiri sebagai buruh kontrak, pemandu serta pekerja keretapi.

Bagi bangsa Eropah seramai 32 orang merupakan pentadbir dan pengurus lombong bagi setiap sektor manakala lain-lain bangsa seramai 17 orang terlibat dalam semua sektor. Jumlah pekerja ketika berada di tahap maksima pada tahun 1962 iaitu Melayu 2,590, Cina 466, India 336, Eropah 38 orang manakala lain-lain bangsa seramai 17 orang. Keseluruhannya seramai 3447 orang.

Selepas tahun 1962, jumlah pekerja terus merosot kepada 1353 orang pada tahun 1970. Kerosotan ini berlaku kerana EMMCO lebih menumpukan kepada penggunaan jentera bagi mengantikan tenaga manusia. Selain itu, EMMCO juga cuba mengurangkan tenaga pekerja kerana mahu mengurangkan pengeluaran besi kerana hatga besi di pasaran mula jatuh.

KENYATAAN KATEGORI GAJI MENGIKUT JENIS PEKERJAAN³³

1. Pegawai Kerani

Termasuk: Pegawai Kerani, Jurutaip, Pembayar Gaji dan *Operator Telex*.

Gred II : \$140 X 15 - \$260

I : \$270 X 19 - \$389

\$410 X 24 - \$506

\$530 X 26 - \$712

³³ *Penyata bulanan Kementerian Buruh dan Tenaga Malaysia Kementerian Buruh dan Tenaga, Kuala Lumpur, November 1970, hlm 2.*

2. Penjaga Setor/Pemeriksa Setor (*Stock Cheker*)

Gred II : \$180 X 19 - \$313

I : \$325 X 24 - \$383

SG : \$410 X 26 - \$566

SS : \$600 X 30 - \$720

3. Operator Janakuasa (*Power Plant Operator*)

Gred II : \$220 X 15 - \$250

I : \$270 X 19 - \$346

4. Penolong Pegawai Tidak Bertauliah ³⁴

Termasuk Pemeriksa Kerja, Penolong Tukang Pelan, Pembantu Luar Makmal, Operator Talipon, Jururawat, Bidan dan Pembantu Hospital tidak bertauliah, Penyureh dan Juru Ukur tidak bertauliah.

Gred III: \$140 X 15 - \$200

Gred II: \$220 X 15 - \$280

Gred I : \$300 X 19 - \$376.

5. Penolong Pegawai Bertauliah

Termasuk Ahli Kimia, Juru Ukur, Pembantu Luar (Kaji Bumi), Tukang Pelan, Juruteknik, Jururawat, Kerani Kerja Merinyu Kesihatan, Pembantu Hal Ehwal Buruh dan Penolong Pegawai Pentadbir.

Gred III: \$300 X 19 - \$376

Gred II: \$395 X 24 - \$467

Gred I : \$490 X 26 - \$620

³⁴ Ibid.

6. Pemeriksaan Bijih Besi

Gred III : \$200 X 19 - \$295

Gred II : \$315 X 24 - \$387

Gred I : \$415 X 26 - \$597

7. Formen (*Foreman*)

Gred III : \$265 X 14 - \$341

Gred II : \$360 X 24 - \$456

Gred I : \$480 X 26 - \$610

8. Penyelia Pemunggahan (*Loading Supervisor*)

Gred III : \$265 X 14 - \$341

Gred II : \$360 X 24 - \$456

Gred I : \$480 X 26 - \$610

9. Penyelia Pengangkutan (*Conveyor Supervisor*)

Gred III : \$265 X 14 - \$341

Gred II : \$360 X 24 - \$456

Gred I : \$480 X 26 - \$610

10. Ketua Stesen (*Station Masters*)

Pegawai Rendah : \$180 x 15 - \$285

Pegawai Kanan : \$300

11. Jurutrengkas

\$300 x 24 - \$540

12. Pegawai Trafik

Gred III: \$265 X 14 - \$341

Gred II : \$360 X 24 - \$456

Gred I : \$480 X 26 - \$610

13. Jurugegas Letrik (*Elektrik Chargeman*)

Jurugegas Tidak Bertauliah : \$300 x 20 - \$400

Jurugegas Tidak Terbatas : \$4419 x 24 - \$627

14. Pemandu Pegawai Keselamatan/Talipon Operator

Seperti Pegawai Kerani - taraf gaji setaraf Pegawai Kerani

15. Kerani Masa (*Time Clark*)

Seperti Pegawai Kerani

Peringatan: Kesemua perjenisan gaji di atas cuma untuk kakitangan bergaji tetap di peringkat perkhidmatan sahaja.³⁵ Bagi kategori harian tidak termasuk dalam senarai di atas. Bagi pihak pengurusan utama seperti ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengarah Lombong, Setiausaha Pengarah, Pengurus Lombong dan Pegawai Atasan gaji-gaji mereka dibayar oleh ibu pejabat EMMCO di London. Jumlah gaji mereka tidak dapat di perolehi data-datanya. Adalah dipercayai antara \$2,000 hingga \$10,000.

Diteliti dari jadual di sebelah kita dapati gaji bagi buruh kasar sangat rendah. Mereka cuma dibayar mengikut hari bekerja. Berbeza bagi kumpulan bulanan dan tetap.

³⁵ *Bancian Perusahaan-Perusahaan perlombongan 1969, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur 1970.*

Mereka mendapat gaji agak tinggi dan terjamin bagi sepanjang tahun. Namun begitu secara perbandingan dalam sektor lain di Terengganu pendapatan pekerja-pekerja Bukit Besi agak tinggi dan mewah pada ukuran harga pasaran semasa.³⁶

³⁶ *Ibid.*

JADUAL 4.4
**SKIM GAJI BAGI PEKERJA-PEKERJA YANG MENDAPAT
GAJI HARI DI LOMBONG BUKIT BESI**

NO.KATEGORI PEKERJA	SS	GRED I	GRED II	GRED III	TETAP
Buruh biasa (laki-laki) selepas 3 tahun Buruh biasa (perempuan) selepas 3 tahun / tukang kebun		\$4.25	\$2.00	\$3.75	\$4.50
Tukang besi/pengukus, Tukang acuan / tukang ayam		\$4.00	\$3.75	\$3.50	\$4.25
Pelayan/pengisi minyak/ alatan mengangkut	\$10.50	\$9.50	\$8.50	\$7.50	\$5.00
Tukang kayu	\$8.00	\$6.75	\$5.50	\$4.75	
Tukang rantai	\$8.00	\$6.50	\$5.75	\$4.75	
Tukang Penghancur (Crusherman)		\$4.75	\$4.50	\$5.00	
Drill Bit Dresser	\$5.75	\$4.75	\$4.50	\$4.25	
Pemandu / Loko diesel Kenderaan Troli Trak	\$8.00	\$7.00	\$5.75	\$5.75	
Fitter: Automatik Letrik / Elektrikal Bonch	\$10.00	\$9.50	\$8.50	\$7.50	\$5.50
Fitter: Penjaga Injin/Petrol/Wap/Diesel / Pencedok/Blashhole Drill	\$10.50 \$11.50	\$9.50 \$10.50	\$8.50 \$9.50	\$7.50 \$8.50	

Pembantu Penggoreng Intan/DownHoleDrill / Pencedok	-	\$6.25	\$5.25	\$4.75	
Tukang Batu	\$7.50	\$6.50	\$5.50	\$4.75	
Operator: <i>Air Drill</i>	-	\$6.50	\$5.50	\$4.50	
<i>Air Drill</i>	\$8.50	\$6.50	\$5.75	\$5.25	
<i>Air Trax</i>	-	\$7.50	-	-	
<i>Bulldozer/Grader</i>	\$10.50	\$9.50	\$8.75	\$7.50	
<i>Seraper</i>	\$10.00	-	-	-	
<i>Down Hole Drill</i>	\$10.00				\$9.00
<i>Eimco/Front End Loader</i>	-				\$8.75
<i>H D-6 Drott</i>	-	\$9.50			\$7.50
<i>Kerin Mobel - 11 tan</i>		\$7.00	\$8.75	\$7.75	
<i>Kerin Mobel - 7 tan</i>		\$10.50	\$6.50	\$6.00	
<i>Pencedok (Showel)</i>	\$12.00	\$9.50	\$9.00	\$8.00	
<i>Tournarocker</i>	\$10.50		\$8.75	\$7.50	\$11.00
<i>Showel P & H</i>					

Sumber : *Annual Report for the Federation of Malaya 1950*, Government Printers 1950, ANM Kuala Lumpur.

Satu keistimewaan gaji bulanan pada *EMMCO* ialah mempunyai kenaikan tahunan yang tetap. Mereka mendapat kenaikan mengikut senioriti bukan kemahiran.

Kemahiran cuma diambil kira dalam kenaikan pangkat sahaja. Berbeza dengan NMC, yang menaikkan gaji berdasar kecekapan dan kerajinan.³⁷

Apabila seseorang dinaikkan pangkat yang lebih tinggi mereka terlebih dahulu haruslah mendapat pengesahan dari Ketua Jabatan di tempat bahagian asal. Konsep yang harus mendapat pengesahan dan Ketua jabatan di tempat bahagian asal. Konsep yang

³⁷ Fail *EMMCO*, Sura Kompleks, Dungun, Terengganu. *ARTr* 1952 hlm. 8.

diamalkan oleh EMMCO sama dengan apa yang adalah perkhidmatan awam British di Tanah Melayu. Akuan Ketua Jabatan amat penting kerana ia menjadi sokongan kepada pengesahan jawatan baru yang dipegang.³⁸

Kenaikan ke jawatan yang lebih tinggi juga boleh berlaku apabila pekerja itu mengambil kursus dan apabila sudah lulus mereka akan dipertimbang kenaikan pangkat ke jawatan berkaitan dengan kursus. Pekerja-pekerja baru yang diambil tidak pula dilakukan secara sebarang. Mereka yang berminat untuk bekerja perlu mendaftar terlebih dahulu terutama di pejabat buruh Negeri Terengganu. Mereka-mereka itu kemudian akan dipanggil untuk ditemuduga oleh pegawai kanan EMMCO Dungun. Biasanya mereka yang terpilih dari kalangan mereka yang sudah berpengalaman dan sihat tubuh badannya.³⁹

Bagi jawatan pegawai tinggi permohonan juga boleh dipohon. Tetapi biasa dicadang oleh pihak kerajaan Terengganu. Namun kebanyakannya anak-anak orang yang berpengaruh di Negeri Terengganu harus diingat walaupun calon-calon itu dicadang oleh Kerajaan Negeri Terengganu kuasa mengambil ada pada tangan pegawai kanan EMMCO dan ia terpulanglah kepada budi bicara EMMCO

³⁸ Kenyataan Encik Ismail bin Abdullah, Kg. Chendering Kuala Terengganu Temuramah di rumahnya pada 12.8.2001.

³⁹ Polisi ini dijalankan terutama menjelang akhir tahun 1950an yang mana selaras dengan seruan kerajaan supaya pihak syarikat mengutamakan bumiputera dan anak-anak tempatan diambil di lombong Bukit Besi.

Sebagai satu syarikat yang besar EMMCO telah menunjukkan satu bentuk pengurusan yang amat cekap. Dalam pengendalian pekerja-pekerja konsep paksaan tidak berlaku. Pekerja diberi peluang untuk bekerja berdasarkan keselesaan mereka. Bagi mereka yang tertarik dengan skim gaji yang ditawarkan baik secara tetap maupun harian akan cuba melakukan kerja tambahan. Konsep ini tidak diamalkan oleh Jepun. Kaedah Jepun lebih kepada penekanan kepada pekerja soal-soal kebijakan tidak diambil berat.

Orang Inggeris sangat mementingkan kebersihan. Tempat-tempat kediaman pekerja disediakan dengan teratur dan dipastikan pula rumah kediaman bersih dari sampah sarap. Setiap hari penyelia kesihatan akan membuat pemeriksaan pada tempat-tempat tinggal pekerja. Rata-rata pekerja Bukit Besi sangat berpuas hati dengan sistem pentadbiran British (EMMCO) berbanding dengan Jepun. (NMC).⁴⁰

Bukit Besi di bawah EMMCO sebagai syarikat tunggal mengendalikan lombong di Bukit Besi telah berupaya membina wilayah Bukit Besi satu kawasan yang sangat maju. Kini penduduknya terdiri dari berbagai bangsa dan agama. Kesan daripada itu kehidupan tradisi masyarakat setempat telah runtuh bersama kerancakan pembangunannya. Sebelum perlombongan wujud, masyarakat Bukit Besi sangat kuat berpegang kepada adat dan nilai-nilai agama. Keadaan ini telah melonggarkan ikatan adat di dalam amalan kehidupan penduduk Bukit Besi pada masa itu.

Oleh kerana wujud percantuman berbagai kaum, didapati pergaulan bebas lelaki dan perempuan amat ketara. Keadaan ini digalakkan pula dengan kewujudan pusat-pusat

⁴⁰ Kenyataan Tuan Haji Yusof bin Awang, Dungun, Terengganu di rumahnya pada 20.8.2001.

hiburan, pusat perjudian, pelacuran dan sebagainya. Bagi orang-orang pendatang khususnya Eropah semua itu adalah perkara biasa sahaja. Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab lain, kawasan Dungun adalah salah satu pusat pelacuran yang terbesar di negeri Terengganu pada masa itu iaitu pada tahun 1950an.


Ramai wanita-wanita tempatan terlibat dalam kegiatan ini. Ada setengah daripadanya telah mengandung anak-anak haram dari lelaki Eropah, Cina, Jepun dan India. Jika kita tinjau wajah-wajah penduduk tempatan di bandar Dungun pada hari ini sangat berlainan dari orang Melayu. Mereka ini kebanyakannya pada hari ini terlibat dalam perniagaan

Satu keistimewaan pentadbiran EMMCO, ia sangat mengambil berat tentang pendidikan. Jika di masa NMC, soal-soal pendidikan amat jelas diberi tumpuan. Semua pekerja diwajibkan menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Oleh kerana terdapat berbagai kaum maka sekolah juga dibina dengan tiga aliran iaitu Melayu, Cina dan Inggeris. Bandar Dungun menjadi pusat pentadbiran di daerah itu⁴¹. Bandar Dungun biarpun agak jauh dari Bukit Besi didapati lebih maju dari Bukit Besi sendiri. Hal ini terjadi kerana ia menjadi pintu masuk ke tempat-tempat lain di daerah Dungun.


⁴¹ Kenyataan Hajah Halijah bte Osman, Sura Gate Dungun, ditemuramah dirumahnya pada 2.8.2001.

Orang-orang asing lebih suka tinggal di Dungun dari Bukit Besi. Bagi pegawai-pegawai Eropah, mereka lebih suka tinggal di Sura Gate dan berulang alik ke Bukit Besi dengan keretapi yang disediakan. Namun satu yang mendukacitakan ialah perkembangan Bukit Besi melalui hasil perlombongannya langsung tidak memberi apa-apa erti bagi kawasan lain. Besi di Bukit Besi cuma untuk Bukit Besi dan Dungun sahaja sertakekayaan syarikat-syarikat yang melombongnya. Cukai-cukai dari bijih besi cuma memberikekayaan pada golongan pemerintah sahaja. Rakyat-rakyat yang tidak terlibat secara langsung tidak mendapat apa-apa faedah, malah lebih sengsara keranakesan kenaikan harga akibat permintaan tinggi dari orang asing terhadap barang makanan.⁴²

⁴² *Ibid.*




Gambar 4.3 : Keretapi yang digunakan untuk mengangkat penumpang



Gambar 4.4 : Keretapi untuk mengangkut bijih besi

Gambar menunjukkan keretapi yang digunakan untuk mengangkat penumpang dan bijih besi dari Bukit Besi ke Bandar Dungun. Keretapi ini digunakan oleh pihak EMMCO semasa beroperasi di Bukit Besi pada tahun 1970. kedua-dua gambar di atas di ambil di Muzium Negeri Terengganu.



Gambar 4.5 : Tapak Lombong Besi di Bukit Besi

Tapak lombong ini telah ditinggalkan pada tahun 1971 oleh EMMCO. Pihak syarikat mendakwa besi di kawasan ini telah kehabisan. Dari tinjauan pengkaji, kandungan besi masih banyak terdapat di sini kerana pelombong-pelombong haram masih mengusahakannya. Pengkaji juga banyak menemui ketulan-ketulan besi yang berselerak di kawasan ini.